



KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA
PELAKSANAAN “ OPS JALAN ” SEMPENA CUTI SAMBUTAN HARI KRISMAS
DAN TAHUN BARU 2017

Sempena cuti sambutan Hari Krismas dan Tahun Baru 2017, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia akan melaksanakan “*Ops Jalan*” sebagaimana halatuju dan visi YB Menteri yang mahukan aktiviti penguatkuasaan dijalankan secara holistik dan tidak bermusim termasuklah di musim cuti yang panjang. Tujuan operasi ini adalah untuk :

- a) mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya;
- b) membudayakan pemanduan berhemah dan selamat oleh pengguna jalan raya;
- c) mempertingkatkan *Perception Of Being Caught (POBC)* di kalangan pengguna jalan raya; dan
- d) mengambil tindakan tegas ke atas pemandu yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya sepanjang tempoh operasi.

Pelaksanaan operasi ini adalah seperti berikut : -

TEMPOH PENGUATKUASAAN

- a) Cuti Sambutan Krismas bermula pada **24 hingga 26 Disember 2016**;
- b) Cuti tahun baru 2017 bermula pada **30 Disember 2016 hingga 02 Januari 2017**.

SASARAN OPERASI

Mensasarkan penurunan jumlah kemalangan termasuk kematian akibat kemalangan jalan raya bagi kategori pengguna seperti berikut:-

- a) Motosikal;
- b) kenderaan kereta motor persendirian;
- c) kenderaan Perkhidmatan Awam; dan
- d) Kenderaan Barangan.

METHODOLOGI PENGUATKUASAAN

- Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang melibatkan agensi seperti PDRM, JKJR dan SPAD.
- Mengadakan Rondaan Penguatkuasaan di Lebuhraya dan jalan utama negeri di seluruh negara. Kenderaan-kenderaan akan diperiksa secara rawak untuk meningkatkan *Perception Of Being Caught (POBC)* di kalangan pemandu dan hendaklah dibuat di tempat yang sesuai yang tidak membahayakan serta tidak menyebabkan kesesakan lalu lintas.
- Menjalankan pemeriksaan bas di terminal bas utama di seluruh Negara. Pemeriksaan ini bertujuan:
 - a) menguatkuasakan peraturan di bawah kaedah 10B RTR (pindaan 2004) berhubung dengan peraturan pemandu kedua, buku log dan pemanduan yang melebihi 8 jam dalam tempoh 24 jam;
 - b) menjalankan pemeriksaan keadaan brek dan tayar bas ekspres yang akan melakukan perjalanan melebihi 300 km atau 4 jam perjalanan.
- Penyamaran Sebagai Penumpang Bas Ekspres untuk mengesan pemandu bas yang melakukan kesalahan-kesalahan di bawah APJ 1987.
- Penguatkuasaan Penyamaran Bergambar di lokasi yang selalu berlaku pelanggaran undang-undang yang menyumbang kepada kemalangan jalanraya. Kesalahan-kesalahan yang diberi tumpuan seperti berikut:
 - a) gagal mematuhi lampu isyarat;
 - b) memotong di garisan berkembar;
 - c) memandu di lorong kecemasan;

- d) memotong barisan (*Beat Q*);
 - e) menggunakan telefon bimbit semasa memandu;
 - f) tidak memakai tali pinggang keledar (depan/belakang); dan
 - g) tidak memakai topi keledar (penunggang/pembonceng);
- Penguatkuasaan Motosikal di laluan utama yang dikenalpasti dan pemilihan lokasi ialah di laluan utama ke bandar/pekan mengikut kesesuaian yang akan ditentukan oleh JPJ Negeri dan hanya mengkhususkan tindakan ke atas motosikal sahaja

Semoga dengan strategi yang dilaksanakan di dalam Ops Jalan ini dapat mencapai sasaran untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya sempena cuti sambutan Hari Krismas dan Tahun Baru 2017.

**Ibu Pejabat,
Jabatan Pengangkutan Jalan,
Malaysia.**

-TAMAT-